

30/12/2000

Penguasaan bahasa lain pertingkat kemampuan

Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Jumaat - Orang ramai terutama orang Melayu perlu mengikis sikap tidak suka berbahasa Inggeris kerana tindakan itu hanya merugikan mereka untuk jangka masa panjang.

Tokoh akademik, Prof Diraja Ungku Aziz berkata, penguasaan lebih daripada satu bahasa adalah satu kelebihan dan tidak patut dianggap sebagai sesuatu yang salah kerana ia mampu mengangkat darjat seseorang.

"Sesetengah pihak menganggap berbahasa Inggeris sebagai sesuatu yang tidak patriotik adalah tidak benar malah ia hanya merugikan orang ramai terutama orang Melayu.

"Masyarakat terutama pemimpin perlu menguasai lebih daripada satu bahasa kerana mesej sesuatu perkara akan lebih jelas jika disampaikan menggunakan bahasa yang sama," katanya.

Beliau yang juga bekas Naib Canselor Universiti Malaya berkata, sebagai contoh Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeline Albright mampu berbahasa Russia. Justeru setiap urusan yang memerlukan beliau berbahasa Russia tidak mendatangkan masalah.

Katanya, khidmat jurubahasa untuk menterjemahkan sesuatu bahasa juga tidak mencapai matlamat kerana setiap perkataan tidak dapat diterjemahkan secara tepat.

Semalam Berita Harian melaporkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tanggapan bahawa mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris mencabar nilai patriotisme rakyat adalah tidak benar.

Beliau berkata, ada orang yang mempunyai tanggapan salah bahawa mempelajari bahasa Inggeris bermakna kurang setia dan tidak patriotik.

Katanya, seorang nasionalis itu adalah seorang yang sudah menguasai semua pengetahuan dan kemahiran dan mampu mencabar seluruh dunia. Itu adalah nasionalis yang sebenarnya.

Menurut laporan sebelum ini, mutu pendidikan, terutama bahasa Inggeris di sekolah awam dan universiti tidak cukup baik untuk mengekal dan menyediakan negara untuk masa depan terutama untuk K-Ekonomi.

Selain itu, Ungku Aziz berkata, orang Melayu yang berpendapat berbahasa Inggeris sebagai tidak patriotisme adalah kuno kerana tidak mereka berfikiran terbuka untuk menerima bahasa itu sebagai bahasa antarabangsa.

"Kaum Cina di Malaysia juga menggunakan bahasa Cina beserta dialek masing-masing untuk urusan tidak rasmi dan berbahasa Inggeris ketika di pejabat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr Awang Sariyan berpendapat isu itu tidak perlu diperbesarkan kerana selagi penggunaan bahasa Melayu digunakan pada tempatnya termasuk pada majlis rasmi, surat menyurat, laporan dan wawancara media am, ia tidak berkaitan soal patriotisme.

"Perkara yang perlu dipandang serius ialah mempertingkatkan usaha memartabatkan bahasa Melayu, bukannya mempertikaikan sama ada berbahasa Inggeris tidak patriotik atau sebaliknya.

"Tidak salah berbahasa Inggeris sekiranya bertujuan menyampaikan ilmu dan maklumat," katanya.

(END)